

KENYATAAN MEDIA

25 OKTOBER 2017

Suruhanjaya Tenaga

(Energy Commission)

12, Jalan Tun Hussein

Preclnct 2

62100, Putrajaya

Malaysia

T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637

Toll Free : 1-800-2222-78 (ST)

Suruhanjaya Tenaga Berjaya Dalam Kes Pendakwaan Kesalahan Mencuri Elektrik

Putrajaya, 25 Okt – Suruhanjaya Tenaga (ST) baru-baru ini telah berjaya di dalam kes pendakwaan ke atas sebuah syarikat pemegang pelaburan hartanah di Johor Bahru, Johor melibatkan kesalahan mencuri elektrik.

Syarikat tersebut, Castle Inn Realty Sdn. Bhd. telah dijatuhkan hukuman denda sebanyak RM40,000 oleh Mahkamah Sesyen Johor Bahru atas kesalahan membuat pengusikan pada meter elektrik kepunyaan Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan menghalang meter tersebut dari merekodkan penggunaan elektrik yang sebenar.

Syarikat itu dituduh di bawah subseksyen 37 (3)(e) Akta Bekalan Elektrik 1990 [Akta 447] yang membawa hukuman denda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi tiga (3) tahun atau kedua-duanya sekali.

Hakim Mahkamah Sesyen, Tuan Mohammad Khalid bin Ab. Karim menjatuhkan hukuman itu selepas syarikat tersebut mengaku salah terhadap kedua-dua pertuduhan yang dibacakan terhadapnya.

Pendakwaan dijalankan oleh Pegawai Pendakwa ST, Adi Azlinda binti Ramlee, manakala Castle Inn Realty Sdn. Bhd. pula diwakili oleh peguam Datuk Syed Faisal Syed Abdullah.

ST berharap kes ini akan menjadi pengajaran kepada semua pihak agar tidak mengusik meter elektrik pihak utiliti dengan niat untuk mengganggu bacaan bil elektrik daripada mencatatkan bacaan meter dengan betul. Tindakan mengusik meter elektrik bukan saja melibatkan soal

keselamatan, tetapi juga kerugian terhadap pengguna lain yang terpaksa menanggung kos elektrik yang dicuri itu.

Untuk tahun 2017, sebanyak tujuh (7) kes curi elektrik sedang disiasat, manakala dua (2) lagi kes telah didaftarkan dan sedang dibicarakan di mahkamah. Sehingga kini sebanyak 33 kes kecurian elektrik telah dibawa ke mahkamah.

Pada masa yang sama, ST sebagai badan kawal selia sektor tenaga negara akan terus menguatkuasakan Akta dan Peraturan yang dipertanggungjawabkan di bawah ST untuk memastikan perlindungan kepada pengguna secara keseluruhannya.

*****Tamat*****

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Siti Suhaila Ahmad/Zairulliati Mali

Unit Promosi & Komunikasi

Tel: +603 8870 8500 / +603 8870 8554 /+603 8870 8598

Hp: +6013 2183778 (Zairulliati)

Faks: +603 8888 8636

Emel: sitihaila@st.gov.my / zairulliati@st.gov.my

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, terutamanya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. ST memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.